

4) PPR SELANGOR

Adun : Y.B. Puan Pang Sock Tao (Kuala Kubu Baharu)

Kategori : Bertulis

Sesi : 1 (2026)

Sub soalan:

- a) Senaraikan jumlah PPR yang telah dan sedang dibangunkan oleh Kerajaan serta jumlah penghuni sebagai pemohon.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah PPR yang telah siap dibangunkan oleh Kerajaan melibatkan sebanyak lapan (8) projek PPR sejumlah 8,220 unit manakala terdapat 1 projek melibatkan pembinaan sebanyak 245 unit. Perincian projek PPR di Selangor adalah seperti berikut:

(a) Telah Siap dan Diduduki

Bil.	Projek	Status Pemilikan (Sewa/Milik)	Pengurusan	Jumlah Unit / (Penghuni)
1.	PPR Kg. Baru Hicom, Shah Alam	Sewa	LPHS (PHSSB)	980 (946)
2.	PPR Seri Kiambang, Serendah	Sewa	LPHS (PHSSB)	300 (278)
3.	PPR Kota Damansara	Sewa	PHSSB (asal MBPJ)	1,152 (1,113)
4.	PPR Lembah Subang 1 (Taman Putra Damai)	Sewa	LPHS (PHSSB) - Serahan KPKT kepada LPHS pada 01 April 2026	3,004 (2,916)
5.	PPR Lembah Subang 2	Milik (Dijual)	KPKT	1,580
6.	PPR Kg Hassan, Hulu Bernam	Milik (Dijual)	KPKT	300
7.	PPR Sungai Yu, Tanjung Karang	Milik (Dijual)	KPKT	500
8.	PPR Ampar Tenang, Dengkil	Milik (Dijual)	KPKT	404
JUMLAH				8,220

(b) Dalam Pembinaan

Bil.	Projek	Status Pemilikan (Sewa/Milik)	Pengurusan	Jumlah Unit
1.	PPR Harmoni Madani Bestari Jaya, Kuala Selangor	Milik (Dijual)	KPKT & LPHS (Siap pada Disember 2026)	245
JUMLAH				245

- b) Apakah jumlah tunggakan sewa PPR bagi tahun 2023, 2024, 2025 hingga terkini? Sila jelaskan langkah-langkah penyelesaian yang telah dan sedang diambil oleh pihak Kerajaan.

Prestasi kutipan sewa dan jumlah tunggakan sewa PPR bagi tahun 2023, 2024, 2025 hingga terkini seperti berikut :

TAHUN	JUMLAH PATUT KUTIP (RM)	JUMLAH DIKUTIP (RM)	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	PERATUS PENCAPAIAN%
2023	6,385,526.13	5,718,416.80	667,109.33	90%
2024	6,549,069.80	5,997,185.67	551,884.13	92%
2025	6,614,466.80	6,077,841.35	536,625.45	92%
JUMLAH	19,549,062.73	17,793,443.82	1,755,618.91	91%

Langkah-langkah penyelesaian yang telah diambil dan sedang diambil oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) melalui anak syarikat milik penuh LPHS iaitu Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB) dengan melaksanakan operasi pemotongan air ke atas unit-unit yang gagal membuat bayaran sewa bulan semasa dan tunggakan. Operasi pemotongan air ini merupakan operasi bulanan yang dilaksanakan bagi memastikan penyewa memberi komitmen membuat bayaran sewa dan tunggakan setiap bulan.

Selain itu, PHSSB juga telah melaksanakan tindakan CTOS kepada mana-mana penyewa yang gagal membuat akujanji bayaran tunggakan. Berakhir tahun 2025, sebanyak 241 unit telah diambil tindakan CTOS.

- c) Apakah rancangan untuk menambah rumah PPR bagi golongan miskin B40?

Pada masa ini, Kerajaan Negeri sedang berkerjasama dengan pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebagai rakan strategik dalam rancangan menambah pembangunan Program Perumahan Rakyat (PPR) baharu di Negeri Selangor bagi membantu golongan miskin B40. Program Perumahan Rakyat (PPR) terdahulu telah dijenamakan semula kepada nama baharu iaitu Program Residensi Rakyat (PRR). Terdapat dua (2) projek PRR di Negeri Selangor yang sedang dirancang iaitu :

Bil.	Projek	Status Pemilikan (Sewa/Milik)	Jangkaan Mula Pembinaan	Jumlah Unit
1.	PPR Kg Dato' Ahmad Razali, Dengkil (telah diluluskan oleh KPKT untuk dimajukan)	Sewa	Suku Keempat 2026	200
2.	PPR Sungai Kertas, Gombak (penyelesaian setingan) - dalam peringkat perancangan dan kajian oleh KPKT)	Sewa	Suku Keempat 2028	400
JUMLAH				600